

SOALAN NO: 27

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]
TARIKH : KHAMIS, 8 MAC 2018
RUJUKAN : L4 [PR-1361-L04729]
SOALAN : 27

Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan jumlah kos bagi penempatan dan pembinaan semula blok bangunan Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar DBKL, Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal DBKL dan Unit Pengurusan Sitaan dan Tunda, Jabatan Penguatkuasaan DBKL di Batu 2 1/2, Jalan Cheras dengan menyatakan butiran terperinci lokasi-lokasi dan keluasan tapak baru bagi ketiga-tiga jabatan tersebut, kos bagi pengambilan setiap lot, tarikh penyiapan bangunan baru bagi setiap jabatan dan syarat-syarat pampasan bagi pemindahan lewat jabatan-jabatan tersebut ke bangunan baru.

61

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Cheras, penempatan dan pembinaan semula bangunan baharu bagi ketiga-tiga Jabatan tersebut akan dibina di 2 lokasi berlainan. Bagi Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar (JKAS) DBKL, lokasi penempatan bangunan baru sedang dibina di atas tapak berkeluasan 4.4 ekar di atas Lot 58459, Taman Tasik Pudu Ulu, Kuala Lumpur dan dijangka akan disiapkan pada bulan Mei 2018. Pembinaan bangunan baharu Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar DBKL ini melibatkan kos pembinaan sebanyak RM35,448,701.00 dan tiada kos pengambilan tanah yang terlibat kerana bangunan dibina di atas tanah milik Datuk Bandar Kuala Lumpur.

Bagi penempatan pejabat pengurusan dan pentadbiran Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal (JKME) DBKL telah pun dipindahkan ke bangunan Menara DBKL 3 di tingkat 11 dengan kos pemindahan adalah sangat minimum kerana bangunan tersebut milik DBKL. Manakala Unit Pengangkutan dan stor JKME serta Unit Pengurusan Sitaan dan Tunda, Jabatan Penguatkuasaan (JPK) DBKL akan ditempatkan di atas sebidang tanah berkeluasan 18.48 ekar (74,820 meter persegi) bersebelahan lebuh raya MRR2 dengan membina pejabat, stor dan garaj baru di lokasi tersebut. Keluasan pejabat, stor dan garaj tersebut adalah sebanyak 182,000 kaki persegi iaitu hampir menyamai keluasan yang sedia ada di Cheras dengan anggaran kos pembinaan sebanyak RM45,000,000.00. Kerja-kerja pembinaan dijangka akan bermula pada bulan Mei 2018 dan dijangka siap pada bulan Ogos 2018 bagi membolehkan kedua-dua unit tersebut berpindah ke lokasi baru pada bulan September 2018.

Tiada kos pengambilan tanah terlibat di dalam menempatkan ketiga-tiga Jabatan/Unit tersebut kerana penempatan dan pembinaan dilaksanakan di atas tanah Kerajaan yang telah diberi hak milik kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun DBKL telah membayar premium sebanyak RM93,784,651.00 kepada Kerajaan bagi tujuan mendapatkan hakmilik tanah berkenaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, tapak di mana ditempatkan pejabat JKAS, JKME dan Unit Pengurusan Sitaan dan Tunda JPK yang sedia ada telah dijual kepada pihak swasta untuk dibangunkan dengan harga RM418,220,000.00. Dengan mengambil kira kos pengosongan bagi penempatan semula aktiviti sediada di tapak adalah RM174,233,352.00, DBKL masih mempunyai baki hasil jualan tanah RM243,986,648.00 yang mana boleh digunakan bagi tujuan untuk menyediakan pelbagai kemudahan kepada warga kota. Di samping itu, imej DBKL dapat dipertingkatkan di mana kakitangan DBKL akan menduduki bangunan yang baharu iaitu di MRR2 dan Taman Tasik Pudu Ulu, Kuala Lumpur.
